

TOKOH MAAL HIJRAH SELANGOR



TIMBALAN Dekan Siswazah dan Hubungan Antarabangsa, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof. Dr. Zainul Mohamad Razi dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1437H Negeri Selangor sempena sambutan yang diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah semalam.

Beliau menerima wang tunai RM20,000, pingat Maal Hijrah, sijil penghargaan, sepersalinan pakaian serta pakej mengerjakan umrah yang disampaikan Tengku Sulaiman Shah.

Tokoh Saudara Kita pula disandang Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM, Nur Athiroh Masyaail Abdullah, 40.

Tokoh Keluarga Mithali dianugerahkan kepada pasangan Harun Ahmad, 68, dan Nuraini Ismail, 63, kerana membesarkan sembilan anak yang berjaya dalam kerjaya masing-masing.

■ DR. ZAINUL MOHAMAD RAZI (dari kanan) bergambar bersama Harun Ahmad, Nuraini Ismail dan Nur Athiroh Masyaail Abdullah selepas menerima anugerah pada sambutan Maal Hijrah di Shah Alam, Selangor semalam.